

05/06/1997

Penghuni rumah pangsa perlu berdisiplin

Manja

KEMATIAN pembantu teknik, Mohd Khairuddin Osman kerana terkena sekeping batu bata yang dibuang dari Flet Putra Ria, Bangsar, Khamis lalu menunjukkan ketiadaan disiplin di kalangan penghuni bangunan tinggi bukan saja merosakkan pemandangan, malah boleh membunuh. Kes seumpama itu bukan baru berlaku tetapi sebelum ini hanya membabitkan kecederaan. Sebelum kemalangan di Putra Ria itu, kepala seorang kanak-kanak berusia lima tahun di Flet Sri Pahang, Bangsar Utama terpaksa menerima 12 jahitan kerana tertimpa peralatan elektrik seberat tiga kilogram yang dibuang dari tingkat 15. Pada April lalu, seorang pencuci bangunan nyaris ditimpa basikal buruk yang dibuang dari blok yang sama di Flet Sri Pahang.

Bagaimanapun, ekoran kematian Mohd Khairuddin itu, pihak berkuasa khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mula meningkatkan penguatkuasaan terhadap mereka yang membuang sesuatu dari flet. Kita tidak tahu selama mana DBKL mampu melakukan penguatkuasaan itu dengan kakitangannya yang terhad serta kesibukan lain seperti menyaman kereta yang diletak sebarangan atau meroboh gerai peniaga tanpa lesen. Dengan beratus rumah pangsa di ibu kota - sama ada dipanggil flet, pangsapuri atau kondominium - kita tidak tahu sejauh mana berkesannya penguatkuasaan undang-undang untuk mendidik penghuni kediaman jenis itu.

Yang kita tahu, perbezaan ketara hanyalah pada nama, harga dan bayaran perkhidmatan tetapi sikap penghuni bangunan itu tidak banyak berubah. Jika pakaian bersediaan di jendela flet DBKL atau kos rendah, pemandangan yang sama juga boleh dilihat di kondominium atau pangsapuri mewah termasuk yang namanya dalam bahasa Inggeris. Jika lif di flet DBKL selalu rosak, lif di pangsapuri yang dimajukan oleh swasta juga selalu meragam. Contengan dan tulisan liar juga tidak mengenal darjat sama ada di flet, pangsapuri atau kondominium. Cuma yang berbeza ialah kekotoran dan sampah sarap di kondominium mewah cepat dibersihkan kerana penghuni membayar kos selenggara, berbanding flet DBKL atau pangsapuri kos rendah.

Memang sikap manusia sukar diubah. Yang berubah hanya tempat tinggal, dari rumah setinggan atau rumah kampung ke rumah pangsa. Sikap mereka yang suka membuang sampah merata atau kurang peka dengan kebersihan atau perasaan orang lain, masih di tahap lama. Itulah sebabnya dalam banyak kes, kerenah kebanyakan penghuni rumah pangsa atau pangsapuri lebih buruk daripada perangai penduduk kawasan setinggan. Bagaimanapun tentulah tidak adil menyalahkan mereka semata-mata tanpa mengambil kira kemudahan yang disediakan di tempat seumpama itu. Tentu ramai juga penghuni rumah pangsa yang mempunyai perasaan tetapi terpaksa membuang sampah merata tempat kerana kemudahan untuk itu rosak, tidak berfungsi atau jauh dari unit kediaman mereka. Jika perbuatan membaling benda ke bawah dilakukan oleh kanak-kanak, mereka mungkin berbuat demikian kerana kawasan itu tidak cukup kemudahan untuk bermain. Jika adapun kawasan lapang, ia mungkin dipenuhi oleh kereta penghuni kerana kawasan meletak kereta terhad. Lif sering diconteng mungkin kerana ia tidak mencukupi untuk menampung penghuni yang ramai atau sering rosak. Sampah pula bertimbun kerana lori kontraktor lewat datang atau memungutnya tanpa mengikut jadual.

Semua masalah ini boleh dikurangkan jika perancangan dibuat lebih awal sebelum sesebuah flet, khususnya kos rendah, dibina. Bagaimanapun kerana namanya sudah kos rendah, pemaju tentu cuba sedaya mungkin untuk menjimatkan kos dengan hanya membina kemudahan yang diwajibkan oleh pihak berkuasa tempatan. Itupun jika pihak berkuasa tempatan terbabit benar-

benar tegas melaksanakan peraturan. Dalam kebanyakan kes, ada pemaju yang menyiapkan dulu dan sedia membayar denda kerana tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Kesannya, peruntukan untuk padang permainan didirikan dengan bangunan; corong sampah yang sepatutnya satu untuk dua unit menjadi satu untuk empat; dan lif yang sepatutnya mempunyai kapasiti 20 orang hanya mampu memuat sepuluh.

Tidak lama dulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berucap panjang lebar mengenai perlunya rakyat mengubah sikap dengan kemajuan sekarang dengan menjadikan penghuni rumah pangsa sebagai contoh. Penghuni rumah pangsa mungkin sedia mengubah sikap tetapi jika kemudahan untuk mereka tidak berubah kerana kedekut pemaju atau keabaian pihak berkuasa tempatan, tidak banyak perubahan yang boleh diharapkan. Kita berpendapat selain kempen dan pendidikan kepada penghuni rumah pangsa mengenai pentingnya mereka menjaga disiplin, aspek menyedia/menyelenggara kemudahan seharusnya diutamakan sepanjang masa, sama ada pemaju atau pihak berkuasa tempatan, bukannya ketika bangunan siap dibina saja. Kesan daripada kemudahan dan penyelenggaraan yang baik (kerana bayaran selenggara juga mahal) boleh dilihat di kondominium atau pangsapuri mewah. Sekurang-kurangnya kejadian batu, benda jatuh menimpa orang di kawasan itu belum kedengaran. Tidak tahulah jika harga nyawa dan keselamatan penghuni kondominium dengan penduduk flet turut berbeza di mata pemaju dan pihak berkuasa tempatan.

(END)